

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 OGOS 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4

Prestasi perbelanjaan pembangunan meningkat

Prestasi perbelanjaan pembangunan meningkat

Kuala Lumpur. Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Tahun 2022 mencatat peningkatan sehingga 50.35 peratus sehingga 15 Ogos lalu, berbanding 26.4 peratus pada 15 April lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata perkara itu dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pemantauan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) Bilangan 2 Tahun 2022 yang dipengeruskannya semalam dan turut dihadiri menteri kanan, ketua jabatan dan serta agensi.

Justeru, katanya, semua Kementerian digesa meningkatkan prestasi perbelanjaan dengan

peruntukan yang tidak dibelanjakan perlu diserahkan kembali kepada Kementerian Kewangan untuk diagihkan semula kepada Kementerian yang memerlukan.

"Jawatankuasa Tertinggi Pemantauan RMK-12 dan Jawatankuasa Pemudahcara Pelaksanaan Projek Pembangunan Negara (JP4N) akan terus meneliti isu serta cabaran semasa bagi mempercepat pelaksanaan projek pembangunan dalam tempoh RMK-12 demi manfaat Keluarga Malaysia," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat itu turut bersetuju supaya Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU,

JPM) menyediakan Kajian Separuh Penggal (KSP) RMK-12 bagi meneliti dan menyemak semula dasar dan sasaran sedia ada supaya matlamat pembangunan yang disasarkan dapat dicapai.

Katanya, proses itu akan bermula pada September 2022 hingga September 2023 selaras sasaran mencapai status negara berpendapatan tinggi yang inklusif dan mampan pada 2025.

"Mesyuarat juga bersetuju membuat pemantauan rapi dan berterusan ke atas pencapaian indikator utama dan memastikan pelaksanaan intervensi yang perlu berikutan ketidakstabilan ekonomi dunia, konflik geopolitik yang mempengaruhi

kenaikan inflasi serta perubahan struktur ekonomi negara yang perlahan," katanya.

Malaysia negara menua

Dalam perkembangan lain, Ismail Sabri berkata, Malaysia menjadi negara menua (ageing nation) pada tahun lalu dan dijangka menjadi negara tua (aged nation) pada 2044.

"Negara menua ditakrifkan sebagai populasi yang berusia 65 tahun ke atas mencapai tujuh peratus daripada jumlah populasi, manakala negara tua ditakrifkan sebagai populasi yang berusia 65 tahun ke atas mencapai 14 peratus daripada jumlah populasi.

"Sehubungan itu, mesyuarat bersetuju dengan mekanisme mengurus perdana agenda negara menua dan penyediaan satu rangka tindakan (blueprint) Agenda Negara Menua (ANM) yang akan diselarasakan oleh EPU, JPM," katanya.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, kerajaan komited mencapai matlamat sifar miskin tegar menjelang hujung 2025 menerusi Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) yang dilancarkan April tahun lalu.

"Bagi fasa pertama, program itu membabitkan 80 lokaliti dan kira-kira 5,000 Ketua Isi Rumah (KIR) secara rintis," katanya.

+